



PROTON

# Siaran Akhbar

## PUSAT 3S PROTON BAHARU DIBUKA DI PUCHONG OLEH ATIARA JOHAN SDN BHD

- Cawangan pengedar 3S baharu dibuka di Puchong, Selangor
- PROTON mencapai sebanyak 92% bagi penambahbaikan cawangan
- PROTON membuka tempahan untuk X70
- Promosi bulan September PROTON

**Petaling Jaya, 14 September 2018** – Atiara Johan Sdn Bhd secara rasminya melancarkan cawangan pengedar 3S baharu miliknya hari ini. Majlis telah dirasmikan oleh Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON dan turut disertai barisan pengurusan PROTON yang lain.

### Cawangan pengedar 3S baharu di Puchong, Selangor

Cawangan baharu yang dimiliki oleh Atiara Johan Sdn Bhd ini menggantikan bilik pameran berstatus 1S yang sebelum ini beroperasi di Pandan Indah, Kuala Lumpur, dan digunakan untuk aktiviti jualan sahaja. Bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, syarikat telah bersetuju untuk menaiktaraf perkhidmatan mereka kepada pusat 3S di lokasi baharu. Terletak di Puchong, cawangan baharu ini telah dibina di kawasan tanah lot dan kos pembinaan dianggarkan bernilai RM3.5 juta, dengan kawasan seluas 1,700 meter persegi. Kawasan sekitar bagi lokasi baharu ini merupakan sebuah kawasan komersil yang padat disamping berdekatan dengan jalan utama bersama syarikat-syarikat pengeluaran kereta yang lain, justeru mereka menganggarkan peningkatan jualan sebanyak 60% dan kemudahan servis akan menjadi aliran pendapatan baharu untuk cawangan tersebut.

"Kami telah mengambil peluang yang ada ini untuk menaik taraf dari pusat 1S kepada pusat 3S kerana kami tahu ini akan menyediakan masa hadapan yang lebih cerah kepada perniagaan kami untuk jangka masa panjang. Kami menyedari bahawa untuk berjalan seiring dengan hala tuju perniagaan baharu PROTON, kami perlu menaik taraf cawangan untuk tampil lebih segar yang turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dalam meningkatkan tahap jualan dan pengalaman servis yang baik kepada pelanggan kami," kata Judith Yam, Pengarah Urusan Atiara Johan Sdn Bhd.

Judith menambah, "Pusat 3S ini juga akan membolehkan kami berhubung bersama pelanggan secara lebih dekat di mana kami boleh mengetahui isu-isu yang terdapat pada kereta mereka, sekiranya ada, dan membantu mereka menyelesaikannya dengan serta-merta. Saya percaya ini adalah apa yang diharapkan oleh pelanggan. Mereka mahukan sesebuah cawangan itu untuk mendengar masalah yang mereka hadapi dan boleh menyelesaikannya dengan pantas, oleh itu, pusat sehati kami ini akan dapat memenuhi keperluan tersebut".

"Tambahan lagi, kami juga memahami kehendak pelanggan yang ingin mengunjungi sebuah pusat cawangan yang mampu memberikan keselesaan dan kemudahan kepada mereka, dan justeru itu, kami turut menyediakan kemudahan seperti Wi-Fi percuma, minuman dan ruangan untuk mengecas komputer riba yang membolehkan pelanggan beristirahat dan kekal berhubung. Sementara itu, bagi ibu bapa yang membawa anak-anak mereka juga boleh membiarkan anak-anak mereka bermain di ruangan kanak-kanak yang disediakan sambil menunggu kereta mereka diservis memandangkan kami mempunyai ruangan tempat duduk yang luas untuk pelanggan di kedua-dua kawasan jualan dan servis. Di pusat servis kami dilengkapi dengan 14 tempat penyelenggaraan dan 12 servis pengangkat dan apabila digabungkan dengan kakitangan servis kami yang berpengalaman, semestinya para pelanggan akan dapat diberi jaminan masa yang lebih cepat dan tahap keselesaan yang lebih baik," ujar Judith.



M/s 2 Dari 4

**PUSAT 3S PROTON BAHARU DIBUKA DI PUCHONG OLEH ATIARA JOHAN SDN BHD**

### **PROTON mencapai 92% bagi penambahbaikan cawangan**

Sehingga 31 Ogos 2018, PROTON telah mencapai sebanyak 92% daripada sasarannya untuk pelan cawangan yang diluluskan berstatus 3S dan 4S. Sasaran Syarikat untuk mendapatkan sebanyak 109 cawangan menjelang Oktober tahun ini berjalan seperti yang dirancang kerana setakat ini sebanyak 100 cawangan telah mendapat kelulusan.

"Kami berasa gembira kerana penambahbaikan cawangan berjalan dengan lancar. Pusat cawangan 3S dan 4S adalah penting kerana ianya berfungsi sebagai penghubung kepada pelanggan dan mengetahui bagaimana mereka melihat PROTON. Apabila kami mengambil keputusan untuk menaik taraf cawangan yang bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, ia bukanlah hanya kata semata-mata kerana terdapat hasil disebalik kata-kata tersebut. Sebagai contoh, Atiara Johan hanya beroperasi sebagai cawangan 1S, tetapi ia mengambil cabaran untuk menaik taraf kepada cawangan berstatus 3S. Selain merupakan satu keputusan perniagaan yang baik, ini juga menunjukkan keyakinan pengedar terhadap jenama ini. Penaiktarafan ini juga lakukan kerana keperluan pelanggan kini telah berubah. Permintaan mereka kini lebih tinggi dan memerlukan tahap jualan dan servis yang hebat, jadi ianya merupakan satu keperluan bagi usahawan-usahawan ini terus selari dengan tuntutan pasaran dan menyediakan apa yang mereka mahukan," kata Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

"Pengukuhan pada jenama ini turut menyumbang kepada jualan PROTON yang meningkat naik sejak tiga bulan lalu dengan jualan pada bulan Ogos mencapai 18% lebih tinggi daripada bulan sebelumnya, mencapai jualan sebanyak 9501 unit, yang merupakan jualan tertinggi untuk tempah 36 bulan lalu. Kami yakin momentum jualan ini akan terus meningkat bagi bulan-bulan seterusnya, lebih-lebih lagi dengan kedatangan SUV pertama PROTON," tambah Li.

### **PROTON membuka tempahan untuk X70**

SUV pertama Proton yang ditunggu-ditunggu iaitu X70 telah dibuka untuk tempahan sejak 8 September dan mendapat maklum balas yang baik. Syarikat menjangkakan tempahan akan terus melonjak kerana pelancaran SUV tersebut semakin dekat. Tempahan boleh dibuat dengan deposit sebanyak RM1,000 dan boleh dilakukan di semua cawangan yang diiktiraf.

### **Promosi September - Zero SST untuk semua model**

PROTON akan menyerap kos SST untuk semua model pada bulan ini. Kunjungi cawangan PROTON untuk mendapatkan tawaran terkini. Penjimatan hebat menanti anda, dari RM500 untuk Saga, RM1,000 untuk Iriz dan Persona, sehinggalah RM2,000 untuk Ertiga. Jadi, jangan lepaskan peluang ini untuk membuat tempahan anda pada bulan ini.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh menghubungi talian khidmat pelanggan PROTON di **1800 888 398** atau e-mel kepada kami di [customercare@proton.com](mailto:customercare@proton.com). Pelanggan juga boleh melayari [www.proton.com](http://www.proton.com) atau halaman Facebook rasmi di [www.facebook.com/ProtonCarsOfficial](https://www.facebook.com/ProtonCarsOfficial). Untuk kemudahan tambahan, pelanggan boleh memuat turun aplikasi mudah alih rasmi **MyProton**, yang boleh didapati melalui Google Play dan Apple App Store.

-Tamat-



M/s 3 Dari 4

PUSAT 3S PROTON BAHARU DIBUKA DI PUCHONG OLEH ATIARA JOHAN SDN BHD

### Lampiran

<b>Cawangan 3S baharu - Atiara Johan Sdn Bhd</b>		
Alamat	Nombor telefon	Emel
Lot 66525, Jalan Bandar 3 Pusat Bandar Puchong Jaya 47170	012-3202968	AtiaraJohan@proton.com
<b>Jualan</b> Isnin – Jumaat: Sabtu, Ahad & cuti umum:	: : :	8:30 pagi – 8:00 malam 8:30 pagi -7:30 malam
<b>Servis</b> Isnin – Jumaat Sabtu Ahad & cuti umum	: : : :	8:00 pagi – 5:30 petang 8:00 pagi – 1:00 petang Tutup
Pengurus Jualan Pengurus Servis	: :	June Goo Alan Tang



M/s 4 Dari 4

**PUSAT 3S PROTON BAHARU DIBUKA DI PUCHONG OLEH ATIARA JOHAN SDN BHD**

## **Mengenai PROTON**

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R & D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga . Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5 Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marke yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.proton.com>.

**Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:**

**Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON**

- Mohamed Norin Abu Bakar di 012-288 5843 / tel: 03-8026 9674 / [mohamednorin@proton.com](mailto:mohamednorin@proton.com)
- Eyasmin Hameed di hp: 017-605 2072 / tel: 03-8026 9683 / [eyasminh@proton.com](mailto:eyasminh@proton.com)
- Jaylyn Jayathalagah di hp: 012-973 3137 / tel: 03-8026 9328 / [jaylyn@proton.com](mailto:jaylyn@proton.com)
- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / [faisalshah@proton.com](mailto:faisalshah@proton.com)
- Lim Ai Mee di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / [aimee@proton.com](mailto:aimee@proton.com)